

Link : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1163961/gaza-berdepan-bencana-kemanusiaan-bantuan-perlu-sampai-ke-palestin>

NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH

Gaza berdepan bencana kemanusiaan, bantuan perlu sampai ke Palestin

Oktober 12, 2023 @ 11:21am



Lebih 2,400 nyawa terbunuh setakat ini, termasuk sekurang-kurangnya 1,100 rakyat Palestin dan 1,300 warga Israel, manakala ribuan lagi cedera. - Foto AFP

KUALA LUMPUR: Situasi terkini di Gaza semakin meruncing apabila jumlah kematian membabitkan orang awam terus meningkat di tengah-tengah pencerobohan dan sekatan menyeluruh oleh rejim Israel.

Penyelaras Misi Keamanan Global Malaysia (GPM) di pusat kemanusiaan di Gaza, Dr Tareq M Altalmas, berkata bekalan keperluan asas termasuk air dan elektrik terjejas teruk, menjadikan kehidupan lebih sukar bagi penduduk Palestin yang hilang tempat tinggal.

Beliau berkata, talian telekomunikasi tidak berfungsi di kebanyakan bahagian.

"Pengeboman berterusan tanpa amaran awal, mengorbankan keluarga, kanak-kanak dan wanita dalam sekelip mata," katanya kepada Bernama menerusi pesanan dari medan pertempuran (ground zero).

Tareq yang mengendalikan pusat itu bersama 10 sukarelawan Palestin berkata, walaupun keganasan berterusan, pusat itu sudah melakukan yang terbaik dalam memberikan bantuan kepada mereka yang memerlukan.

Peningkatan keganasan antara Israel-Palestin sejak 7 Oktober lalu menyebabkan banyak nyawa terkorban membabitkan kedua-dua pihak.

Lebih 2,400 nyawa terbunuh setakat ini, termasuk sekurang-kurangnya 1,100 rakyat Palestin dan 1,300 warga Israel, manakala ribuan lagi cedera.

Lebih 150,000 orang di Semenanjung Gaza hilang tempat tinggal apabila ribuan kediaman, institusi awam dan infrastruktur dimusnahkan akibat serangan Israel.

"Kami kini cuba menyediakan keperluan kepada mereka yang kehilangan tempat tinggal di sekolah UNRWA (United Nations Relief and Works Agency for Palestine Refugees). Dianggarkan lebih 100,000 orang kini berlindung di sekolah-sekolah terbabit. Doakan kami," kata Tareq.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif GPM, Ahmad Fahmi Mohd Samsudin ketika dihubungi Bernama menggesa Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mendesak rakan sejawatannya dari Mesir untuk membuka lintasan Rafah, bagi membolehkan bantuan kemanusiaan dihantar ke Gaza.

Beliau berkata, Gaza berada di ambang bencana kemanusiaan jika tiada tindakan diambil untuk menghentikan keganasan yang berterusan terhadap rakyat Palestin.

"Lintasan Rafah adalah satu-satunya talian hayat bagi rakyat Palestin sekarang," katanya.

Fahmi berkata, GPM bersedia untuk menggerakkan sumber kemanusiaannya ke Gaza sebaik sahaja mereka mendapat lampu hijau daripada pihak berkuasa untuk berbuat demikian.

Sementara itu, beliau juga merayu kepada orang ramai untuk menderma kepada tabung kecemasan "Taufan Al-Aqsa" GPM yang dilancarkan Rabu, untuk membantu rakyat Palestin. - BERNAMA